

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 25 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1531-L11013

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan garis masa bagi penyelesaian kajian kebolehlaksanaan *vacancy tax* untuk membantu menyelesaikan masalah hartanah kediaman tidak terjual (*overhang*).

2. PN-1531-L11408

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah kempen kesedaran kanser reproduktif wanita (WCare) berjaya dipromosikan untuk memberi kesedaran kepada golongan wanita untuk menjalani pemeriksaan awal kanser serviks dan payudara khususnya kepada wanita di luar bandar negeri Sabah.

3. PN-1531-L11033

Senator Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha-usaha pihak Kerajaan bagi meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat Orang Asli dari suku kaum Che Wong dan suku kaum Bateq yang berada di sepanjang tebing Sungai Tembeling, Pahang.

4. PN-1531-L10940

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang kemerosotan dalam purata pencapaian ketiga-tiga domain literasi dalam Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) 2022 dan bagaimanakah Kementerian akan mencapai kedudukan yang lebih baik dalam PISA pada masa akan datang.

5. PN-1531-L10888
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pelan Kerajaan bagi merangsang sektor pelancongan negara yang terkesan akibat peningkatan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada tahun ini berikutan heboh di media sosial kini berkaitan harga hotel akan naik sekitar 10 hingga 30 peratus bermula Mac 2024.
6. PN-1531-L11348
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha strategik Lembaga Koko Malaysia bagi menyasarkan eksport koko negara mencapai nilai lebih RM8 bilion dan senaraikan nilai eksport koko mengikut negara dunia pada tahun 2018, 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023.
7. PN-1531-L11095
Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam membendung migrasi rakyat terutamanya ke luar negara dan apakah faktor yang mempengaruhi keadaan ini.
8. PN-1531-L10755
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah yang telah diambil untuk program latihan dan kajian manuskrip Melayu lama bagi memastikan lebih 5,000 manuskrip yang telah diperolehi oleh Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dianalisa secara intensif dan berjadual untuk diterbitkan.
9. PN-1531-L10989
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini perkembangan pasukan petugas (*task force*) yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri ketika lawatan kerja sulung di Labuan.
10. PN-1531-L10845
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam menghadapi musim kemarau yang sedang melanda negara kita berikutan fenomena El Nino.

11. PN-1531-L10881
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peranan dan tugas utama Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) yang telah diaktifkan semula.
12. PN-1531-L10920
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi menarik minat warga tempatan untuk melancong dalam negara kerana kebanyakan rakyat lebih tertarik untuk bercuti di luar negara dan ini mengakibatkan lebih banyak aliran keluar mata wang ringgit yang dibimbangi akan memberi kesan buruk kepada ekonomi.
13. PN-1531-L10905
Senator Dr. Lingeswaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah skim sokongan seperti Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Pembedahan Pergigian dan lain-lain tidak dibayar elaun bertugas atas panggilan (*on-call*) seperti Pegawai Perubatan walaupun mereka terpaksa menjalankan tugas atas panggilan dan difahamkan bahawa mereka hanya dibayar jika berlakunya *activation*.
14. PN-1531-L11277
Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan untuk memberikan kemahiran keibubapaan dalam mendidik, memantau dan menyokong kanak-kanak menjadi warga digital yang sihat, cerdas, memupuk kesihatan mental dan kehidupan yang seimbang.
15. PN-1531-L10677
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah Kerajaan merancang untuk memperkuatkan perlindungan pekerja terutama dalam konteks perubahan ekonomi dan teknologi dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja.
16. PN-1531-L11084
Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) adakah piawaian prosedur operasi (SOP) hospital atau klinik Kerajaan tidak mengambil cagaran sebagai prosedur bayaran terhadap pesakit bukan warganegara yang ingin mendapatkan rawatan; dan

- (b) perancangan jangka panjang dalam mengetatkan prosedur rawatan dan pembayaran terhadap pesakit bukan warganegara dalam mencegah mereka daripada mengambil kesempatan dan tidak terlepas sewenang-wenangnya.
17. PN-1531-L10823
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah belanjawan tahunan yang telah dibelanjakan untuk kawasan Hulu Rajang oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) sejak awal tahun 2013 sehingga akhir tahun 2023 dan apakah impak dan kejayaan yang terhasil daripada belanjawan tersebut.
18. PN-1531-L11257
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana libat urus RUU Pendanaan Politik telah dilaksanakan oleh Kerajaan sejak mengambil alih pentadbiran Putrajaya pada penghujung tahun 2022.
19. PN-1531-L10736
Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kementerian mampu membasmi kemiskinan di Sabah, Kelantan dan Perlis memandangkan terdapat isu baru di mana ketiga-tiga negeri tersebut disenaraikan sebagai negeri termiskin di Malaysia dan apakah usaha yang akan membantu menarik para pelabur untuk melabur di ketiga-tiga negeri yang terjejas.
20. PN-1531-L10661
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-
- (a) apakah usaha dan inisiatif yang telah dilakukan oleh Kementerian untuk meningkatkan keberkesanan pembahagian baja subsidi kepada petani-petani supaya tidak berlaku ketirisan; dan
- (b) berapakah angka penerima terkini subsidi baja Kerajaan.
21. PN-1531-L11316
Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesediaan Kerajaan mengurangkan cukai import bagi barang makanan dalam usaha menstabilkan harga di peringkat domestik.

22. PN-1531-L11196
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan statistik usahawan yang berjaya di bawah Program Pembangunan Usahawan Profesional (ProSPEC) sejak tahun 2018 sehingga kini bagi negeri Kedah.
23. PN-1531-L10833
Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah sekolah vernakular boleh diubah strukturnya agar hanya wujud satu jenis aliran sekolah kebangsaan sahaja tanpa mengurangkan hak penggunaan dan pengajian bahasa bagi kaum yang lain seperti yang dijamin dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.
24. PN-1531-L11161
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha Kerajaan untuk memastikan tahap pembebasan gas klorofluorokarbon dan hidroklorofluorokarbon ke lapisan ozon adalah terkawal kerana musim panas yang sedang melanda di negara dan kenaikan kadar penggunaan penyaman udara yang mendadak.
25. PN-1531-L10647
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan senarai projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di daerah Hulu Perak (Gerik) dalam RMKe-12 dan berapakah jumlah yang telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut.
26. PN-1531-L11114
Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senarai statistik kursus yang paling banyak dimohon dan diluluskan oleh HRD Corp dan sejauh manakah usaha yang diambil untuk memastikan lebih banyak kursus yang berbentuk latihan kemahiran (*skill training*) dan latihan kemahiran masa hadapan (*future skills*) dan latihan yang berbentuk pensijilan agar dapat memenuhi keperluan majikan demi kemajuan pekerjaan mereka.
27. PN-1531-L11121
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan selain daripada membaiki sekolah daif dan mengisi kekosongan guru, apakah tindakan Kementerian untuk menangani ketidakadilan pendidikan di luar bandar Sarawak dan tempoh untuk mencapai hasil yang disasarkan.

28. PN-1531-L10632
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menggantikan kenderaan di klinik-klinik luar bandar dengan pacuan 4 roda.
29. PN-1531-L11002
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah kebarangkalian rasionalisasi pelaksanaan subsidi yang disasarkan pada separuh kedua 2024 jika hub Pangkalan Data Utama (PADU) tidak bersedia pada ketika itu.
30. PN-1531-L11185
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan lain selain daripada dagangan melibatkan mata wang seperti pertukaran komoditi yang tidak melibatkan risiko matawang.
31. PN-1531-L10987
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan oleh pihak Kerajaan bagi membangunkan suatu projek pembinaan jambatan yang menghubungkan di antara Kuala Perlis dengan Pulau Langkawi bagi memberi manfaat serta keselesaan terhadap penduduk setempat serta pelancong.
32. PN-1531-L10959
Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik murid darjah 6 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang tidak meneruskan pelajaran ke Tingkatan 1 pada tahun 2023 dan apakah tindakan Kementerian dalam membanteras isu keciciran ini.
33. PN-1531-L10745
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menggalakkan atau mempromosikan kelakuan beretika dan berintegriti dalam kalangan pegawai awam dan penjawat awam.
34. PN-1531-L11349
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kaedah yang terbaik bagi menangani ketidaktentuan ekonomi di negara ini.

35. PN-1531-L11399
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status kemajuan terkini stadium-stadium negeri yang dinaik taraf menerusi geran Kementerian sebanyak RM500,000 dan siapakah badan profesional yang diamanahkan untuk mengendalikan audit fizikal terhadap setiap aspek yang dilaksanakan penaiktarafan terutamanya penggantian rumput Zeon Zoysia.
36. PN-1531-L11022
Senator Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pandangan Kementerian berhubung jangkaan kenaikan harga hotel susulan peningkatan kadar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dan apakah inisiatif yang sedang dirangka oleh Kementerian bagi membantu menyerap kesan kenaikan harga hotel ini kepada para pelanggan.
37. PN-1531-L11391
Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian dalam memartabatkan Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar sekolah, agar BM tidak dianggap sebagai salah satu subjek sekadar lulus, malah lebih kepada keberkesanan dalam penggunaannya.
38. PN-1531-L10702
Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah Kementerian bekerjasama dengan Agensi lain dalam meningkatkan taraf kemudahan menjalankan perniagaan terutamanya dalam ekosistem syarikat permulaan (*startups*) di Malaysia.
39. PN-1531-L10942
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini masalah air yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan apakah inisiatif yang diambil oleh Kementerian untuk membantu menyelesaikan masalah ini.
40. PN-1531-L11419
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah jangkaan bagi projek Pan Borneo Fasa 3 yang mencakupi jajaran Tawau, Kalabakan, Keningau dan Kimanis akan mula dilaksanakan memandangkan struktur jalan semasa yang sudah semakin teruk dan melebihi tempoh hayat penggunaannya.

41. PN-1531-L11387
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah kilang baharu yang telah dibuka oleh syarikat antarabangsa (*multinational company*) di Malaysia sejak tahun 2018 serta jumlah pekerjaan yang diberikan kepada warganegara Malaysia dan bukan warganegara.
42. PN-1531-L11225
Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha Kerajaan dalam mengurangkan jumlah getah import asli untuk kegunaan tempatan yang semakin meningkat saban tahun.
43. PN-1531-L10810
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan statistik jumlah koperasi di seluruh Sarawak dan apakah kekangan penduduk rumah panjang di pedalaman Sarawak yang mempunyai jumlah penduduk sekurang-kurangnya 200 orang dewasa gagal untuk membuka atau mengekalkan koperasi.
44. PN-1531-L10804
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah status kerja-kerja menaik taraf jalan Kampung Payak Kepong, Pos Iskandar, Bera, Pahang yang telah diluluskan di bawah Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) pada tahun 2023.
45. PN-1531-L11140
Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan dalam pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (TVET) dan digitalisasi di Sekolah Henry Gurney serta adakah ia selaras dengan fokus Kementerian yang telah diumumkan baru-baru ini supaya murid-murid ini juga mendapat manfaat yang sama.
46. PN-1531-L11058
Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pendekatan serius yang dilaksanakan oleh entiti penguatkuasa Kementerian terhadap pengusaha stesen minyak di setiap negeri yang selama ini memandang enteng perihal larangan penjualan petrol bersubsidi RON95 kepada kenderaan bernombor pendaftaran asing seperti yang digariskan dalam Akta Kawalan Bekalan 1961.

47. PN-1531-L10870

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status terkini untuk menaik taraf Taman Rekreasi Bintangor, Sarikei yang kebanyakan mempunyai fasiliti telah uzur dan tidak selamat digunakan.

48. PN-1531-L11293

Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) statistik kelahiran anak luar nikah; dan

(b) peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam membantu membina kembali institusi keluarga yang runtuh berpunca daripada persekitaran yang menjadi pendorong utama remaja terlibat dengan aktiviti seperti salah guna dadah dan penzinaan.

49. PN-1531-L11177

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah penguatkuasaan yang lebih tegas pihak Kerajaan bagi menangani isu pemborong dan peruncit tidak berdaftar dalam Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS) untuk mendapatkan subsidi minyak berpakat.

50. PN-1531-L11067

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah Pegawai Perubatan Pakar yang ditempatkan di hospital-hospital atau kemudahan kesihatan awam di Negeri Melaka untuk memastikan khidmat pakar dinikmati oleh penduduk setempat tanpa menunggu tempoh rawatan dan runding-cara lebih lama.

51. PN-1531-L11373

Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat perancangan daripada pihak Kementerian untuk mengurangkan kadar cukai pendapatan rakyat Malaysia memandangkan peningkatan kos sara hidup yang semakin ketara dalam kalangan rakyat.

52. PN-1531-L11245

Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini kajian pihak Kerajaan untuk memanjangkan tempoh sah laku pasport kepada 10 tahun.

53. PN-1531-L10708

Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menyelesaikan masalah jalanraya berlubang yang pernah dijanjikan untuk diselesaikan dalam masa 24 jam selepas aduan diterima yang mana dapati jalanraya di Kuala Lumpur semakin banyak berlubang, ia membahayakan pengguna jalanraya terutamanya penunggang motosikal dan juga mencemarkan imej baik Kuala Lumpur.

54. PN-1531-L10783

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memasukkan elaun menghadiri mesyuarat yang dianjurkan pihak berkuasa tempatan atau agensi kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sarawak memandangkan ketua masyarakat berperanan besar sebagai penghubung rakyat dengan agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat.

55. PN-1531-L11430

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status semasa projek solusi masalah air di UMS dan apakah jaminan Kementerian agar masalah ini dapat diatasi di semua kampus termasuk di semua asrama Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh Sabah.

56. PN-1531-L10860

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan Negeri Sabah boleh diberikan kuasa untuk meluluskan projek pembuatan melebihi RM2.5 juta yang sediakala memandangkan Sabah masih negeri yang membangun.

57. PN-1531-L10727

Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pendirian Kementerian untuk melebarkan Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dari dua lorong kepada tiga lorong yang melibatkan laluan Slim River ke Ipoh.

58. PN-1531-L11360

Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan faktor-faktor secara terperinci yang menyebabkan kelolosan tahanan Pendatang Asing Tanpa Izin di Depot Imigresen Bidor.

59. PN-1531-L10775

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) apakah status kemajuan pembinaan jalan di perkampungan Orang Asli di Gua Musang; dan
- (b) adakah jalan ke Pos Balar termasuk dalam projek pembinaan jalan ini atau masih di peringkat pelan cadangan.

60. PN-1531-L11064

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah lebih serius yang telah dan bakal diambil oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menangani prestasi teruk kejatuhan kadar tukaran wang asing RM berbanding USD serta matawang utama negara serantau.

61. PN-1531-L10667

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah pencapaian ekonomi negara pada tahun ini dan apakah strategi-strategi bagi mempertahankan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang serta adakah terdapat langkah-langkah khas yang diambil untuk merangsang pertumbuhan sektor-sektor ekonomi tertentu.

62. PN-1531-L10733

Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di pusat tahfiz mencapai matlamat pelaksanaannya dan berapakah jumlah pelajar yang telah menjalani program TVET di pusat tahfiz seluruh negara setakat ini.

63. PN-1531-L11207

Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik para doktor dan guru yang menghadapi penyakit kerisauan (*anxiety*).

64. PN-1531-L10718

Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) tahap keberkesanan pelaksanaan Program Menu Rahmah (PMR) yang diperkenalkan oleh Kerajaan MADANI pada tahun lalu; dan

- (b) apakah yang terjadi kepada promosi Menu Rahmah yang kini semakin berkurang dan bagaimanakah orang ramai dapat mengakses maklumat tentang restoran yang menawarkan Menu Rahmah.
65. PN-1531-L11044
Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bentuk tindakan yang dilaksanakan terhadap mana-mana profesional Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang menyalahgunakan status "Ir Ts" untuk kepentingan peribadi seperti promosi atau lobi politik kepartian dalam pemilihan parti yang mana ia boleh mencemarkan imej korporat TNB.
66. PN-1531-L11230
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang masih bankrap pada masa ini mengikut kumpulan umur.
67. PN-1531-L10975
Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah peratusan kelulusan terhadap pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi pelajar-pelajar di sekolah sukan di negara ini dan adakah ianya menepati sasaran Kementerian.
68. PN-1531-L10914
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini blok baharu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Sungai Bakap yang sudah lama terbengkalai serta difahamkan bahawa sejumlah RM3.5 juta telah diperuntukkan sebelum ini oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan mereka dan membina, dengan izin '*design and build*' blok baharu dan telah dibayar kepada kontraktor.
69. PN-1531-L10928
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dirangka dan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk memperluaskan peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan.

70. PN-1531-L10687

Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah pembekal benih padi yang berdaftar di bawah Kementerian dan nyatakan jumlah subsidi yang diberikan kepada pihak berkenaan.

71. PN-1531-L11304

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sambutan peserta dan status penyelarasan aktiviti pendidikan TVET.

72. PN-1531-L11323

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sasaran dalam merekrut anggota baharu pasukan simpanan serta pemeraksanaan anggota.

73. PN-1531-L11266

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan strategik Kerajaan bagi memastikan negara mencapai sasaran pengurangan pekerja asing dalam RMKe-12 kepada 15 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja menjelang tahun 2025.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah**

(21 Mac 2024)

- | | | | | |
|----|------------------|---|-----------------------|--------------------------------|
| 2. | *(D.R.41/2023) | Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 | | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Perdana Menteri] | | |
| 3. | *(D.R.4/2024) | Rang Undang-undang Tambahan (2023) 2024 | Perbekalan | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Menteri Kewangan] | | |
| 4. | *(D.R.5/2024) | Rang Undang-undang (Penguntungan Semula Perbelanjaan) 2024 | Perbekalan Peruntukan | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Menteri Kewangan] | | |

5. *(D.R.39/2023) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [Menteri Pendidikan Tinggi]**
6. *(D.R.6/2024) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [Menteri Dalam Negeri]**
7. (D.R.40/2023) Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**
- [Perdana Menteri]**
8. *(D.R.38/2023) Rang Undang-undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [Perdana Menteri]**
9. *(D.R.37/2023) Rang Undang-undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Permerbadanan) (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [Menteri Kerja Raya]**
10. *(D.R.2/2024) Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]**
11. *(D.R.35/2023) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]**

- | | | | |
|-----|-----------------|--|-------------------------------------|
| 12. | *(D.R.1/2024) | Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 13. | *(D.R.3/2024) | Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 14. | *(D.R.7/2024) | Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] | |
| 15. | (D.R.28/2023) | Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 | Bacaan Kali Kedua dan Ketiga |
| | | [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] | |
| 16. | (D.R.29/2023) | Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Kedua dan Ketiga |
| | | [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] | |

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.